

Cabutan WOW! SSPN-i Plus

Simpan RM30 sebulan berjaya bawa pulang Mercedes

Ibu tunggal menabung untuk pendidikan tiga anak sejak 2018

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang ibu tunggal membawa pulang sebuah kereta mewah menerusi Cabutan WOW! Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i Plus), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) 2020.

Sonita Sudin, 43, yang masih terkejut dengan kemenangan itu mengakui, tidak pernah mengimpikan memenangi hadiah cabutan terbahit kerana niat membuka akaun berkenaan hanya menyimpan untuk masa depan pendidikan tiga anaknya. Pensyarah Kolej Matrikulasi Pahang ini membawa pulang Mercedes Benz C200 FL AMG Line menerusi pakej simpanan Intan dengan nilai serendah RM30 sebulan, mulai 2018.

"Saya membuka akaun SSPN-i ketika pihak PTPTN mengadakan pameran di kolej saya bekerja dan tertarik dengan penjelasan daripada pegawainya mengenai skim berkenaan yang memberi banyak manfaat seperti takaful dan pelepasan cukai.

"Saya mula-mula rasa macam scammer, selain selalu fikir si-



Sonita bersama replika kunci selepas majlis penyampaian hadiah Cabutan WOW! SSPN-i Plus yang disampaikan Ahmad Dasuki (kiri) dengan diiringi Nik Hamdam di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

tuasi seperti ini akan berlaku kepada orang lain dan memang tak akan berlaku kepada saya.

"Sebenarnya, saya terharu kerana hajat terakhir arwah ibu mahu naik kereta Mercedes anaknya, sebelum menghembuskan nafas terakhirnya pada 2013. Jadi mak saya tidak sempat nak naik," katanya ketika ditemui pemberita di sini, semalam.

Dalam pada itu, Sonita menyifatkan, amalan menabung sangat baik, terutama bagi mendidik anak supaya menyimpan secara berdisiplin demi masa

depan pendidikan mereka.

"Pada peringkat lebih tinggi (pengajian) perbelanjaan memang banyak, situasi di program matrikulasi ada sesetengah ibu bapa yang tidak bersedia.

"Kalau menabung serendah RM30 sebulan dari kecil, sekurang-kurangnya umur 18 tahun dia ada simpanan antara RM7,000 hingga RM8,000 dalam tangan. Sikap menabung semasa anak kecil sangat penting.

"Saya rasa perlu menabung (dengan SSPN) kerana ada manfaat perlindungan takaful di-

samping simpanan. Sekiranya apa-apa berlaku kepada pendeposit, waris sekurang-kurangnya boleh menikmati manfaat," katanya.

Penyerahan hadiah cabutan berkenaan disempurnakan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Kumpulan Automatif NZ Wheels Sdn Bhd, Datuk Nik Hamdam Nik Hassan.

Selain Sonita, guru dari Sekolah Kebangsaan (SK) Permatang Kerat Telunjuk, Bandar

Baharu, Kedah, Muhammad Zulfadli Hadri Abdul Rahim, 35, memenangi tempat kedua cabutan itu dan membawa pulang wang tunai RM50,000.

Lim Kee Hau, 43, yang bekerja sendiri pula memenangi tempat ketiga cabutan berkenaan dan berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM30,000.

Terdahulu, Ahmad Dasuki ketika berucap menyempurnakan majlis penyampaian hadiah itu, memaklumkan, SSPN-i Plus kini mempunyai 636,496 akaun, membabitkan jumlah simpanan bernilai RM645.9 juta, hingga Februari lalu.

Katanya, PTPTN terus melakar kejayaan dengan mencatatkan kutipan deposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) tertinggi tahun lalu, membabitkan nilai RM1.99 bilion dengan 436,101 akaun baharu, sejak diperkenalkan pada 2004.

"Kita menerima deposit SSPN bernilai RM402.8 juta, membabitkan 39,224 akaun baharu, antara Januari hingga Februari lalu, manakala secara keseluruhan, sebanyak 4.86 juta akaun SSPN dibuka dengan deposit bernilai RM8.28 bilion dibuka hingga Februari lalu.

"Pencapaian ini membuktikan SSPN berada di landasan tepat sebagai produk simpanan berdaya saing setanding produk simpanan lain di pasaran, selain menasarkannya 400,000 akaun baharu dibuka dengan jumlah simpanan bernilai RM1.8 bilion, tahun ini.

"Orang ramai kini mempunyai lebih kesedaran menabung kerana melihat simpanan sebagai satu keperluan," katanya.